

PERMASALAHAN SEKITAR QADA' DAN QADAR

Oleh:

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman

Abstrak

Artikel ini mengetengahkan persoalan takdir yang sering menjadi polemik umat Islam dahulu dan kini serta mencari jalan keluar daripada belenggu permasalahan tersebut dengan mengemukakan jawapan tuntas bersumberkan al-Qur'an, hadis dan pendapat para ulama muktabar.

Katakunci: Qada' dan qadar: isu, penjelasan ilmuwan muktabar; perbuatan hamba; iradat manusia; hidayat dan kesesatan; fitrah; takdir; doa; redha; '*ubūdiyyah*.

Abstract

This article tries to present some major polemical issues related to human destiny together with its explanation based on the Quranic and the Prophetic tradition. The interpretation and clarification by some Muslim scholars on the issue is also given.

Keywords: Predestination/ Fate (*Qadā'*) and Divine decree (*Qadar*): issues, an exlanation; human actions; human will; guidance and deviation; innate character; destiny; pray; contentment; '*ubūdiyyah*

* Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, M.A., adalah pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Pendahuluan

Umumnya terdapat kecenderungan yang mengatakan bahawa sebilangan umat Islam di pelbagai tahap dalam masyarakat masih kurang memahami konsep qada' dan qadar dengan tepat. Kurang memahami konsep qada' dan qadar atau salah faham mengenainya yang menunjang dalam minda sudah tentu memberi impak negatif terhadap individu Muslim. Impak negatif tersebut pula terjelma melalui percakapan dan tingkah laku. Tidak hairanlah sekiranya sering kedengaran orang yang cetek pemahaman mengenai konsep tersebut mengungkapkan kata-kata yang menunjukkan bahawa Allah SWT itu zalim, manusia tidak mempunyai apa-apa daya upaya sehingga perbuatan yang dilakukan oleh manusia pun dikawal oleh Allah SWT, buruk dan baik adalah sama sahaja dan bermacam-macam maksud negatif lagi yang tersirat. Ungkapan begitu tidak terhenti di situ sahaja tetapi ia menular kepada perbuatan lalu lahirlah tingkah laku yang buruk seperti tidak menuaikan suruhan agama dengan alasan masih belum ditakdirkan berbuat begitu. Terdapat juga orang yang melakukan kes jenayah tanpa rasa bersalah kerana beranggapan bahawa takdir telah memaksa diri mereka melakukan kejahatan dan mereka hanyalah melaksanakan tuntutan atau kehendak takdir. Banyak persoalan takdir yang perlu dijawab dan dijelaskan bagi melenyapkan gejala kefahaman tidak sihat ini. Justeru, beberapa persoalan yang menjadi polemik itu dibincangkan di sini.

a) Ilmu Allah SWT Tidak Memaksa Hamba Melakukan Sesuatu Perbuatan

Beriktikad bahawa Allah SWT mengetahui perbuatan hamba-Nya dan setiap peristiwa yang berlaku adalah satu tahap beriman kepada qada' dan qadar. Ia tercatat di Lauh Mahfuz sebagai takdir semua makhluk. Namun ilmu Allah SWT tidak boleh dijadikan hujah untuk meninggalkan usaha atau melakukan amalan baik.¹ Andainya Allah SWT tidak

¹ Ahmad Umar Hashim (1977), *Manhaj al-Islām fi al-'Aqīdah wa al-Ibādah wa al-Akhlāk*, Kaherah: Nahḍat Miṣr, h. 22. Lihat juga al-Būṭi, Muhammād Sa'id Ramaḍān (1922), *Hurrīyyah al-Insān fi Zill 'Ulbūdiyyah li*

mengetahui perbuatan hamba, sudah tentu terdapat kekurangan pada sifat-Nya. Jika perbuatan hamba berhasil tidak bertepatan dengan ilmu Allah SWT, ia menunjukkan kejahilan dan kelemahan Allah SWT. Maha Suci Allah SWT dari segala kekurangan.

Hakikat sama ada ilmu Allah SWT berfungsi untuk memaksa atau tidak memaksa seseorang hamba melakukan sesuatu perbuatan boleh dilihat daripada tabiat ilmu itu sendiri. Menurut Muḥammad ‘Abduh, ilmu adalah suatu sifat *kāshīfah*.² Fungsi ilmu hanyalah untuk mengetahui sesuatu dengan tepat. Ilmu tiada kaitan dengan paksaan atau pemilihan untuk melakukan sesuatu.³ Dalam hal ini, sebagaimana yang dinukilkhan oleh al-Nawawī, al-Khaṭṭābī berkata:

“Ramai orang menyangka bahawa qada' dan qadar bermakna Allah SWT memaksa hamba mengikut apa yang telah ditetapkan. Hakikatnya bukan begitu. Qada' dan qadar ialah pemberitahuan bahawa Allah SWT mengetahui segala usaha hamba dan ianya terjadi bertepatan dengan ilmu-Nya.”⁴

Bagi menjelaskan hakikat di atas, dibawakan tiga bentuk analogi. Pertama, seorang ayah mempunyai dua orang anak. Si ayah mengetahui sifat kedua-dua anaknya. Anak pertama suka berbelanja dengan cermat. Anak kedua pula bersifat

Allah, Beirut: Dār al-Fikr, h. 43-44, Lihat juga al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah Wujūd al-Khāliq wa Waṣīfah al-Makhlūk*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 160.

² *Kāshīfah* bererti 'yang mendedahkan'.

³ Muḥammad ‘Abduh (1994), *Risālat al-Tawhīd*, Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 65-66. Lihat juga al-Baghdādī, Maḥmūd Sāliḥ, *Irshād al-Anām fi ‘Aqā’id al-Islām*, h. 112. Lihat juga, al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, h. 161. Lihat juga Maḥmūd Shaltūt (1997), *al-Islām ‘Aqīdah wa Sharī‘ah*, Cet. 17, Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 50-51. Lihat juga, Ahmad ‘Umar Hashim, *Manhaj al-Islām fi al-‘Aqīdah wa al-‘Ibādah wa al-Akhlāk*. Lihat juga, Arsalān, Shakīb (1969), *Limādhā Ta’akhkhar al-Muslimūn wa limādhā Taqaddam Ghayruhūm*, Beirut: Dār Maktabah al-Hayāh, h. 115.

⁴ Al-Nawawī, *Sharḥ al-Nawawī ‘nlā Ṣaḥīḥ Muslim*, Cet. 2, Jilid 1, h. 154-155. Lihat juga, Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, Taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, Jilid 11, h. 509.

boros. Suatu hari mereka diberi lima puluh ringgit seorang bagi perbelanjaan seminggu. Selepas berlalu empat hari, anak kedua meminta perbelanjaan tambahan kerana kehabisan wang. Si ayah enggan memberi wang tambahan kerana kecuaianya ketika berbelanja. Adakah pengetahuan si ayah tentang sifat boros anaknya memaksa ia menghabiskan wang perbelanjaan sebelum cukup tempoh seminggu? Adakah pengetahuan si ayah tentang anak yang suka berjimat cermat memaksanya berbelanja dengan cermat? Sudah tentu tidak. Analogi kedua; seorang ayah mengetahui kesungguhan anaknya dalam pembelajaran. Justeru, si ayah yakin anaknya akan mendapat kejayaan cemerlang. Akhirnya anak itu benar-benar berjaya seperti yang dijangka. Adakah pengetahuan dan jangkaan si ayah mempengaruhi kejayaan tersebut? Sudah tentu tidak. Analogi ketiga; seorang pereka cipta telah mencipta sebuah robot. Dia mengetahui daya kekuatan, ketahanan dan tempoh pergerakan robot itu. Adakah pengetahuannya mengenai robot itu mempengaruhi kebolehan dan keupayaan robot tersebut? Sudah tentu tidak.⁵

Jikalau manusia pun tahu mengenai ciptaan mereka, sudah tentu Allah SWT lebih mengetahui. Tetapi ilmu semata-mata tidak memberi kesan. Ilmu tidak memaksa agar sesuatu perbuatan dibuat atau ditinggalkan.

b) Iradat Manusia Benar-benar Wujud

Al-Būṭī ada menyatakan bahawa terdapat kekeliruan dan salah faham di kalangan sebahagian orang awam yang berpendapat bahawa iradat manusia pada hakikatnya tidak wujud kerana iradat itu diberikan oleh Allah SWT. Bagi mereka, apabila Allah SWT yang memberikan iradat dan ikhtiar, tentulah Dia juga yang mengawal segala kehendak dan ikhtiar manusia kerana Dialah Pencipta segala sesuatu.⁶ Al-Sayyid Sābiq juga menegaskan bahawa mengatakan manusia tidak boleh memilih atau pilihannya ditentukan Allah SWT adalah tidak benar. Orang yang berkata begitu

⁵ Untuk perincian contoh sila rujuk al-Sā'ih, 'Aqīdat al-Muslim wa mā Yattaṣil bihā, h. 143-145.

⁶ Al-Būṭī, *Hurriyyah al-Insān fi Zill 'Ulūdiyyatih li Allāh*, h. 46.

sebenarnya telah membohongi perasaan dan realiti kehidupan yang dipenuhi dengan perbuatan *ikhtiyārī*⁷ dan perbuatan *iḍṭirārī*⁸.⁹ Ini juga yang ditegaskan oleh ‘Abd al-Rahmān Ḥabannakah yang mengatakan bahawa orang yang diberi kemampuan memilih adalah tidak sama dengan orang yang tidak diberikan kemampuan tersebut.¹⁰

Dalam hal ini al-Būṭī menjelaskan; andainya kedua-dua individu tadi dianggap sama, maka lebih baik Allah SWT langsung tidak memberi kemampuan membuat pilihan kepada hamba-Nya. Hal ini lebih jelas dengan keterangan yang mengatakan bahawa Zaid yang diberi iradat tidak mampu membuat pilihan kerana hak itu dicipta oleh Allah SWT. Khalid yang tidak diberi iradat juga tidak boleh membuat pilihan kerana sifat iradat tiada padanya dari asal kejadian. Kenyataan ini menunjukkan bahawa Zaid dan Khalid berbeza pada satu tahap iaitu Zaid diberi iradat manakala Khalid pula tidak diberi iradat tersebut. Tetapi dari sudut lain, tiada perbezaan antara Zaid dan Khalid kerana masing-masing tidak dapat membuat pilihan sendiri. Zaid tidak mampu berbuat demikian kerana iradatnya berkait dengan iradat Allah SWT. Khalid juga tidak mampu untuk memilih kerana dia tidak diberikan langsung hak tersebut. Kenyataan ini sudah tentu tidak logik dan tidak dapat diterima oleh akal yang sihat.¹¹ Justeru, hamba yang dianugerahkan iradat oleh Allah SWT memang dapat merasakan bahawa ia benar-benar wujud dalam dirinya dan berfungsi.

⁷ Perbuatan *ikhtiyārī* ialah perbuatan yang boleh dilakukan oleh manusia dengan usaha, ikhtiar dan pilihannya sendiri seperti menggerakkan kaki, memejamkan mata, berkata-kata, makan dan minum.

⁸ Perbuatan *iḍṭirārī* ialah perbuatan yang terjadi dengan terpaksa bukan dengan pilihan dan kudrat manusia seperti berdenyutnya jantung dan nadi, menggigilnya seseorang ketika kesejukan dan kelihatan pucat apabila ketakutan.

⁹ Al-Sayyid Sābiq (1992), *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, Kaherah: al-Fatḥ li I'lān al-'Arabi, h. 90.

¹⁰ ‘Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydāni (1994), *al-'Aqidah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, Cet. 7, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 648. Lihat juga, al-Būṭī, *Hurriyyah al-Inṣān fi Zill 'Ubudiyyatih li Allāh*, h. 47.

¹¹ *Ibid.*

c) Manusia Tidak Dipaksa Untuk Beriman atau Kufur

Banyak ayat al-Qur'an yang pada zahirnya menjelaskan bahawa manusia dibelenggu oleh iradat Allah SWT. Menurut maksud zahir ayat tersebut, Allah SWT memberikan hidayah atau menyesatkan manusia mengikut kehendak-Nya semata-mata. Tugas hamba hanya mengikut kehendak Allah SWT, tiada upaya menentang atau memilih yang lain selain yang telah ditetapkan oleh iradat Allah SWT.¹² Di antara ayat yang dimaksudkan ialah firman Allah SWT, *Sūrah al-An'ām*, 6: 149:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Oleh itu, jika Ia menghendaki tentulah Ia akan memberi hidayah petunjuk kepada kamu semuanya”.

Menurut al-Sayyid Sābiq, sebenarnya ayat di atas tiada kaitan dengan perbuatan *ikhtiyārī* manusia. Ayat tersebut bermaksud, kalaulah Allah SWT ingin, nescaya dijadikan semua manusia memilih untuk beriman secara terpaksa, tidak dengan pilihan mereka sendiri.¹³ Tetapi Allah SWT tidak inginkan begitu kerana Allah SWT ingin manusia memilih salah satu; nafsu atau akal. Tatkala manusia diberi kemampuan pilihan atau melakukan sesuatu perbuatan tanpa paksaan, barulah terserlah makna taklif dan rasionalullah segala tanggungjawab yang dipikul hamba. Andainya segala perbuatan manusia terjadi hasil paksaan Allah SWT, maka tiada maknanya manusia diwajibkan untuk patuh dan taat kepada perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Dia juga tidak berhak menerima balasan baik atas kebaikan yang dilakukannya atau balasan buruk atas kejahatan yang dikerjakannya kerana segalanya terjadi kerana dia dipaksa oleh Allah SWT.¹⁴ Menurut Za'ba, sekiranya Allah SWT ingin mengikut iradat-Nya sahaja, nescaya tiada seorang pun yang menjadi sesat kerana semua manusia akan diberi taufik dan hidayah. Tetapi Allah SWT

¹² Al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, h. 165.

¹³ Al-Sayyid Sābiq, *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, h. 90. Lihat juga al-Maydānī, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, h. 666.

¹⁴ Al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, h. 165. Lihat juga Māhmūd Shaltūt, *al-Islām 'Aqīdah wa Sharī'ah*, h. 49-50.

telah menetapkan yang Dia memberi kebebasan kepada manusia untuk memilih sama ada untuk beriman atau kufur.¹⁵

d) Iradat Hamba Benar-benar Berfungsi

Akibat terkeliru, terdapat sebilangan masyarakat menge luarkan kenyataan yang mengatakan bahawa iradat Allah SWT adalah mutlak, tidak seperti iradat manusia. Seterusnya apabila iradat manusia bertembung dengan iradat Allah SWT, maka sudah tentu iradat manusia kalah dan terpaksa mengikut iradat Allah SWT. Akibatnya, iradat manusia langsung tidak boleh berfungsi kerana ia dikawal oleh iradat Allah SWT.¹⁶ Kesimpulan dari pendapat ini, manusia tidak boleh dipersalahkan di atas sesuatu perbuatan jahat atau maksiat yang dilakukannya kerana sebenarnya perkara itu terjadi dengan iradat Allah SWT.

Bagi menjelaskan persoalan ini, Abd. Nāṣih ‘Ulwān mengatakan bahawa perbuatan manusia itu terbahagi kepada dua kategori; *ikhtiyārī* dan *idtirārī*. Manusia tidak dipertanggungjawabkan terhadap segala perbuatan yang bersifat *idtirārī*¹⁷ kerana ia terjadi tanpa diusahakan. Mereka hanya boleh melakukan perbuatan yang bersifat *ikhtiyārī*. Lantaran itulah dia diberi pahala dan dosa.¹⁸

Menurut al-Būṭī pula, masalah ‘iradat hamba tidak berfungsi’ tidak timbul langsung dalam hal ini. Ini kerana Allah SWT menjadikan iradat manusia dan Dia menghendaki iradat itu berfungsi dengan sebaiknya.¹⁹ Justeru, mengatakan bahawa Allah SWT tidak menghendaki perbuatan yang dipilih oleh hamba bermakna Allah SWT tidak menghendaki dan merestui iradat yang dibekalkan oleh-Nya sendiri.²⁰

¹⁵ Za'ba (1980). *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 89.

¹⁶ Al- Būṭī, *Hurrīyyah al-Insān fī Ḥill 'Ubūdiyyatih li Allāh*, h. 47.

¹⁷ Lihat juga Abdullah Nāṣih ‘Ulwān, *Masalah Taqdir*, terj. A.R. Shalch Tahmid, h. 42.

¹⁸ Lihat juga Mohammad Talib (1981), *Pandangan Para Ahli Fikir Tentang Taqdir dan Ikhtiar*, Singapore: al-Haramain, Pte. Ltd., h. 27-28.

¹⁹ Al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, h. 155.

²⁰ *Ibid.*

Pendapat sebegini terang-terang bercanggah dengan keterangan al-Qur'an yang mengiktiraf kehendak hamba.²¹ Boleh dikatakan bahawa setiap perbuatan hamba itu terjadi dengan iradatnya dan iradat Allah SWT.²² Ini kerana iradat hamba berada di dalam lingkungan iradat Allah SWT. Allah SWT telah bentangkan dua jalan kepada seseorang hamba; jalan petunjuk atau jalan kesesatan dan Allah SWT inginkan hamba-Nya memilih salah satu antara dua jalan tersebut. Apabila dia memilih jalan petunjuk, pilihan atau iradatnya masih dalam lingkungan iradat Allah SWT. Begitulah jugalah sekiranya dia ingin berada di atas jalan kesesatan, iradatnya juga masih dalam lingkungan iradat Allah SWT.²³ Al-Būṭī memberikan contoh yang menjelaskan perkara ini; seorang guru ingin mengadakan ujian kepada pelajarnya untuk mengetahui keputusan yang akan dicapai oleh para pelajar. Setelah selesai ujian dijalankan, keputusan pelajar yang lulus itu dikehendaki oleh guru. Keputusan pelajar yang gagal juga dikehendaki oleh guru. Dalam masa yang sama, pelajar mempunyai iradat dan kebebasan penuh untuk memilih sama ada untuk lulus atau gagal tanpa ada apa-apa paksaan oleh Allah SWT.²⁴ Dari sini dapatlah difahami bahawa iradat hamba dengan iradat Allah SWT bolehlah dibandingkan seperti iradat murid dengan iradat gurunya.²⁵ Kenyataan ini membawa kepada pengertian bahawa adanya kehendak Allah SWT tidaklah menyebabkan hilangnya kehendak hamba

²¹ Sila lihat sebahagian daripada ayat-ayat berkaitan dalam surah-surah berikut: *al-Muddathṣir*, 74:55, *al-Naba'*, 78:39, *al-Insān*, 76:29, 'Abasa, 80:12, *al-Takwīr*, 81:28, *al-Kahf*, 18:29 dan *al-Muzzammil*, 73:19.

²² Al-Būṭī, *Hurrīyyah al-Insān fi Zill 'Ubūdiyyatih li Allāh*, h. 49.

²³ Al-Sayyid Sābiq, *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, h. 91. Lihat juga al-Maydāni, *al-'Aqidah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, h. 647, 670. Lihat juga Bahjat, Ahmad (1996), *Allāh fi al-'Aqidah al-Islāmiyyah*, Cet. 4, Kaherah: Markaz al-Ahrām li al-Tarjamah wa al-Nashr, h. 141. Lihat juga al-Sā'ih, *'Aqidah al-Muslim wa mā Yattaṣil bihā*, h. 160.

²⁴ Al-Būṭī, *Hurrīyyah al-Insān fi Zill 'Ubūdiyyatih li Allāh*, h. 50.

²⁵ Walau bagaimanapun menurut al-Būṭī, terdapat perbezaan di antara ilmu manusia dan ilmu Allah SWT. Allah SWT mengetahui segala perkara dan benda, termasuklah sesuatu perbuatan yang dipilih oleh hamba kerana ilmu-Nya bersifat menyeluruh. Ilmu hamba pula amat terhad. Dalam konteks contoh di atas, guru tersebut tidak mengetahui apa yang dipilih dan diingini oleh pelajarnya. *Ibid.*

sebagaimana wujudnya ilmu Allah SWT tidak menafikan ilmu yang ada pada manusia. Begitu jugalah dengan sifat-sifat lain yang wujud pada Allah SWT dan manusia seperti mendengar dan melihat.

e) Pengertian Iradat, Perintah dan Reda Adalah Berbeza

Mengapa Allah SWT menyeksa hamba yang melakukan perbuatan jahat sedangkan ia terjadi mengikut kehendak-Nya? Kenapa Allah SWT menghendaki perkara yang ditegah berlaku? Inilah antara persoalan yang timbul di benak segerintir masyarakat Islam. Persoalan ini timbul kerana keliru dalam memahami pengertian iradat, perintah dan reda.²⁶ Menurut al-Buti, walaupun segala kejadian berlaku dengan iradat Allah SWT, namun Allah SWT tidak meredai perbuatan jahat atau kekufuran²⁷ sebagaimana firman-Nya, *Sūrah al-Zumar*, 39: 7:

Maksudnya: “Dan Ia tidak redakan hamba-hamba-Nya berkeadaan kufur; dan jika kamu bersyukur, Ia meredainya menjadi sifat dan amalan kamu.”

Sebagai contoh, kufurnya Abu Jahal termasuk dalam kehendak Allah SWT tetapi ia tidak termasuk dalam kategori perkara yang diredai-Nya. Contoh lain bagi menerangkan keadaan ini; seorang guru yang menguji prestasi akademik pelajarnya melalui ujian yang diadakan sudah tentu tidak suka (reda) andainya pelajar gagal dalam ujian tersebut. Sebelum ujian diadakan, pelajar telah disuruh mengulang kaji pelajaran. Ujian pula diadakan kerana guru menghendaki keputusannya supaya ia dapat dianalisis dan direkodkan dalam Buku Rekod Pelajar. Pelajar yang sentiasa mengulang kaji pelajaran menjawab soalan ujian dengan baik akan lulus dengan cemerlang. Keputusan lulus dengan cemerlang dalam ujian itu diingini oleh guru. Di samping itu guru juga merasa gembira, suka dan senang dengan keputusan tersebut. Keputusan pelajar yang gagal dalam ujian atau sekadar mendapat lulus juga dikehendaki

²⁶ Al-Būjī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, h. 157.

²⁷ *Ibid.* Lihat juga, Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā, Jam' wa Tartīb 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad*, Jilid 8, h. 159.

walaupun ia tidak menyenangkan guru bahkan menyebabkan guru marah.²⁸

Berdasarkan keterangan di atas tiada percanggahan di antara suruhan guru agar pelajar membuat persiapan untuk menghadapi ujian dengan keputusan ujian yang dinantikan, sama ada lulus atau gagal. Iradat Allah SWT tidak bermaksud perintah (*amr*) Allah SWT. Ia tidak juga bermaksud reda dengan perbuatan yang diingini itu.

f) Hidayah dan Kesesatan Adalah Berdasarkan Pilihan Manusia

Terdapat kekeliruan dalam memahami ayat mengenai Allah SWT memberi hidayah atau menyesatkan hamba-Nya. Ada yang beranggapan bahawa apabila Allah SWT inginkan kebaikan kepada hamba, dia akan diberi hidayah. Sebaliknya apabila Allah SWT ingin kecelakaan menimpanya maka dia disesatkan dan dijauahkan dari segala kebaikan. Situasi ini dikaitkan dengan ayat *Sūrah al-An'ām*, 6: 125:²⁹

Maksudnya: Maka sesiapa yang Allah SWT kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah SWT kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Dia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah SWT menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.

Untuk memahami tafsiran ayat tersebut, hendaklah diketahui makna '*hidāyah*'. Perkataan *al-hidāyah* dalam al-Qur'an menurut Abdullah Nāṣīḥ 'Ulwān, mempunyai dua pengertian iaitu: 'menunjukkan' (*al-dilālah*) dan 'pertolongan serta dorongan untuk melakukan kebaikan' (*al-i'ānah*). Pengertian pertama terdapat dalam firman Allah SWT, *Sūrah al-Shūrā*, 42: 52:

²⁸ Al-Būṭī, *Kubrā nl-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, h. 157.

²⁹ Al-Khaṭīb, *al-Qaḍā' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn*, h. 254.

Maksudnya: "Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah memberi petunjuk dengan al-Qur'an itu ke jalan yang lurus".

Ayat ini bermaksud bahawa Nabi Muhammad menunjukkan manusia kepada jalan yang lurus. Dalam konteks ini semua manusia ditunjukkan jalan ke arah kebenaran. Malangnya terdapat manusia yang lebih suka memilih kesesatan daripada mengikuti petunjuk yang diberikan. Inilah yang dimaksudkan oleh firman Allah SWT, *Sūrah Fussilat*, 41: 17:

Maksudnya: Adapun kaum Thamud, maka Kami beri petunjuk kepadanya, lalu mereka mengutamakan kesesatan dari hidayah petunjuk.

Jadi, mereka yang memilih kesesatan sememangnya layak mendapat balasan buruk sebagaimana dinyatakan dalam firman Allah SWT, *Sūrah al-Kahf*, 18: 57:

Maksudnya: Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingatan dengan ayat-ayat Tuhan, lalu ia berpaling daripadanya dan lupa akan apa yang telah dilakukan oleh kedua tangannya; sesungguhnya (disebabkan bawaan mereka yang buruk itu) Kami jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, menghalang mereka daripada memahaminya, dan (Kami jadikan) pada telinga mereka penyumbat (yang menyebabkan mereka pekak). Dan jika engkau menyeru mereka kepada petunjuk, maka dengan keadaan yang demikian, mereka tidak sekali-kali akan beroleh hidayah petunjuk selama-lamanya.

Dalam hal ini, Ibn al-Qayyim menjelaskan bahawa seseorang hamba itu berada di antara bimbingan Allah SWT dan syaitan yang sentiasa ingin menyesatkannya. Jika dia tersalah langkah maka syaitan akan menjadikannya sebagai mangsa sebagaimana kambing menjadi mangsa serigala. Apabila kambing berani mendekati serigala dan menjadikannya sahabat lalu ia dijadikan korban oleh serigala tersebut, siapakah yang harus dipersalahkan? Sudah tentu kambing tersebutlah yang salah. Si penggembala tidak bersalah dan tidak boleh dipersalahkan kerana sebelum

kejadian itu berlaku dia telah memberitahu kambing-kambing yang diawasinya bahawa malapetaka dan nasib malang akan menimpa kambing tersebut jikalau ia mengasingkan diri atau lari dari kawasan pengawasan.³⁰

Menurut Abdullah Nasih ‘Ulwan lagi, pengertian kedua bagi perkataan ‘*al-hidayah*’ terdapat dalam firman Allah SWT, *Sūrah al-Qaṣāṣ*, 28: 56:

Maksudnya: Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasih (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah SWT jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya).

Maksud ‘*tidak berkuasa memberi hidayah*’ pada ayat di atas ialah tidak mampu untuk menolong seseorang untuk mendapatkan petunjuk sekiranya dia sendiri tidak inginkan petunjuk tersebut.³¹ Apatah lagi jika dia berusaha bersungguh-sungguh untuk menjauhi kebenaran dan hidayah.³² Justeru, hanya mereka yang menguatkan azam dan membulatkan iradatnya untuk bersama kebenaran layak mendapat bimbingan Allah SWT. Ketika itu dia akan termasuk dalam golongan yang difirmankan Allah SWT dalam *Sūrah Muḥammad*, 47: 17:³³

Maksudnya: Dan (sebaliknya) orang-orang yang menerima petunjuk (ke jalan yang benar), Allah SWT menambahi mereka dengan hidayah petunjuk, serta memberi kepada mereka (dorongan) untuk mereka bertakwa.

Sebagai kesimpulan, Allah SWT memberi hidayah dan menyesatkan sesiapa yang Dia kehendaki. Perbuatan Allah

³⁰ Muḥammad Uways al-Nadawi (1988), *al-Tafsīr al-Qayyim li Ibn al-Qayyim*, Beirut: Dār al-Fikr, hal 216. Lihat juga, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Shifā' al-'Ail*, Taḥqīq Muḥammad Badr al-Dīn, h. 100.

³¹ Abdullah Nāṣīḥ ‘Ulwān, *Masalah Taqdir*, terj. A.R. Shaleh Tahmid, h. 19-27.

³² Za'bā, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, h. 89.

³³ Al-Būṭi, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, h. 166.

SWT tidak berhak dipersoalkan. Tetapi ini tidak bermakna Allah SWT zalim kerana *mashi'ah*-Nya sentiasa disertai dengan keadilan. Andainya manusia mengikut *fitrah* dan iradatnya untuk mendapatkan petunjuk, bermujahadah menjauhi dosa, tentu Allah SWT mengasihinya dan menjadikannya tetap dengan kebenaran. Sebaliknya mereka yang memilih kejahatan sudah tentu akan sesat dan menanggung akibat buruk. Za'ba berkata:

Pendeknya manusia itu sendiri menjadi penghulu pada dirinya dalam memilih jalan yang betul. Maka hendaklah manusia sendiri mengemudikan kapalnya, baik menuju kepada pelabuhan selamat atau kepada beting batu kebinasaan.³⁴

g) Perbezaan Tahap Kehidupan Adalah Faktor Kesatuan Manusia

Perbezaan tahap kehidupan sering menjadi persoalan. Ia dikaitkan dengan ketidakadilan Allah SWT kerana membezakan kedudukan atau nasib manusia. Segolongan ditakdirkan kaya manakala yang lainnya miskin. Menurut Ibn al-Qayyim, orang yang menimbulkan persoalan ini amat jahil, zalim dan sesat. Sebenarnya penciptaan makhluk yang berbeza-beza adalah tanda kesempurnaan *rubūbiyyah* Allah SWT. Amat banyak makhluk yang dicipta dengan sifat berbeza seperti malam dan siang, panas dan sejuk, sihat dan sakit, baik dan jahat serta nikmat dan azab. Perbezaan harta, tenaga, ilmu, amalan dan pekerjaan adalah untuk kebaikan manusia. Lantaran ihsan Allah SWT, manusia dikurniakan apa yang baik untuknya. Walau bagaimanapun, semua yang berlaku adalah berpaksikan hikmat dan keadilan Allah SWT.³⁵ Dalam soal ini al-Jāhiẓ menegaskan bahawa segala kejadian Allah SWT mempunyai hikmat tertentu. Sebagai contoh, semua anggota manusia berbeza-beza, begitu juga dengan fungsinya. Dari pada perbezaan itulah wujudnya identiti insan. Bayangkan andainya manusia hanya berupa

³⁴ Za'ba, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, h. 89.

³⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Salikin*, Taḥqīq Muḥammad al-Mu'taṣim bi Allāh, Jilid 1, h. 147.

sebatang hidung atau sebiji mata, sudah tentu kewujudannya tidak memberi apa-apa erti. Bagaimana pula andainya alam ini terdiri daripada sejenis makhluk sahaja, seperti matahari atau lautan? Sudah tentu kewujudannya tidak dapat digambarkan kerana ia tidak berstruktur. Setiap makhluk mempunyai fungsi dan kepentingan tersendiri.³⁶ Sebagai contoh, sebuah jam yang dikehendaki berfungsi menunjukkan waktu dengan tepat, setiap bahagiannya yang berlainan mestilah menyempurnakan tugas dan fungsi masing-masing.³⁷ Begitulah juga dengan makhluk ini.

Perbezaan kejadian adalah faktor utama yang mendorong kepada penyatuan dan persepakatan antara manusia.³⁸ Sifat-sifat seperti tinggi, rendah, cantik, hodoh, kaya, miskin, waras, gila, cerdik dan dungu merupakan faktor utama yang mendorong manusia supaya berganding bahu dan saling membantu.³⁹ Kalau cita rasa dan keinginan manusia sama sahaja, maka akan menjadi pincang, kelam kabut dan bercelaru kehidupan ini. Bayangkan andainya semua orang tidak ingin menceburi bidang pekerjaan di sektor perindustrian dan pemakanan, sudah tentu tamadun tidak akan berkembang dan manusia akan mati kelaparan dalam masa yang singkat sahaja. Seterusnya jikalau tabiat dan kehendak manusia tidak berbeza, sudah tentu mereka hanya akan memilih kedudukan yang terbaik. Mereka akan sentiasa bersaing sesama sendiri, bahkan berebut sesuatu yang diingini itu hingga ia berakhir dengan perkelahian dan permusuhan. Di saat ini perpaduan sesama manusia tidak lagi akan wujud.⁴⁰ Manusia akan saling berbunuhan demi mencapai apa yang diidamkan. Ini adalah satu kemungkinan yang pasti terjadi seandainya cita-cita dan keinginan manusia yang hidup di muka bumi ini adalah sama sahaja. Malangnya pemerhatian kita kepada kejadian dan peristiwa yang

³⁶ Al-Jāhiẓ (1991), *Rasā'il al-Jāhiẓ*, Taḥqīq wa Sharḥ, ‘Abd al-Salām Muḥammad Hārun, Beirut: Dār al-Jayl, h. 126.

³⁷ Za’ba, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, h. 37.

³⁸ Al-Jāhiẓ, *Rasā'il al-Jāhiẓ*, Taḥqīq wa Sharḥ, ‘Abd al-Salām Muḥammad Hārun, h. 126.

³⁹ *Ibid.*, h. 109.

⁴⁰ *Ibid.*, h. 110-111.

berlaku di bumi ini tidaklah begitu; realiti kehidupan masyarakat tidak seperti yang diandaikan tadi. Ini kerana pada hakikatnya manusia mempunyai pelbagai cita rasa dan kehendak. Mereka juga mampu memilih atau mentafsirkan sesuatu tanpa dipaksa.⁴¹ Seorang wanita yang dianggap hodooh oleh sebilangan manusia, dikatakan cantik oleh mereka yang lain. Kediaman yang dianggap berbahaya untuk didiami oleh segelintir manusia pula tanpa rasa takut ia didiami oleh segolongan manusia lain. Tempat yang takut dikunjungi oleh kebanyakan orang, ada juga yang berani mendekatinya. Pendek kata, semua orang berasa elok, selesa dan baik apa yang dipilih dan dilakukan oleh mereka walaupun pilihan dan perbuatan mereka itu pada dasarnya adalah keji dan bercanggah dengan ajaran Islam.

Sebenarnya perbezaan taraf hidup atau cacat cela pada seseorang tidak boleh dipandang dari satu sudut sahaja. Ramai orang yang sakit, miskin atau cacat tidak berasa hina atau kekurangan walaupun masyarakat sekeliling menganggap sedemikian. Sehinggakan ada orang melakukan perkara dosa dan maksiat dengan penuh rasa bangga walaupun sepatutnya dia berasa dirinya hina dengan perbuatan itu. Walaupun pekerjaan mengangkut atau menyapu sampah dihina oleh masyarakat, tukang sapu sampah tetap menganggap kerjanya adalah mulia kerana tanpanya sesuatu kawasan akan dipenuhi kotoran yang boleh menyebabkan penyakit atau wabak mudah tersebar. Za'ba ada mengatakan bahawa kesusahan dan kesenangan adalah semata-mata wasilah untuk menguji ketahanan manusia dan seterusnya bagi meletakkan mereka di martabat yang tinggi di sisi Allah SWT. Menurutnya, kemungkinan di dalam sebiji benih yang kecil terdapat sepohon kayu yang besar dan ia tidak akan tumbuh membesar kecuali setelah melalui beberapa peringkat. Sebelum membesar dengan sempurna ia memerlukan tanah dan udara yang sesuai, air dan baja yang mencukupi serta beberapa keperluan lain. Demikian jugalah dengan benih akhlak yang tersimpan dalam diri manusia. Setelah melalui beberapa ujian, akan terserlah sifat yang

⁴¹ *Ibid.*

terpendam itu. Oleh itu, seorang mukmin sejati akan bersabar menghadapi kesulitan dan bersyukur ketika senang. Mereka yang tidak memahami konsep qada' dan qadar akan mengeluh dan menyesali nasib apabila ditimpa kesusahan sebaliknya menjadi bongkak serta zalim ketika mendapat kesenangan.⁴²

h) Takdir dan Kelahiran Dalam Fitrah Tidak Bertentangan

Terdapat kekeliruan dan salah faham di kalangan orang awam dalam memahami perkaitan antara kelahiran anak dalam *fitrah* dengan takdir yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kerana menganggap ia bertentangan dengan takdir Ilahi. Salah faham ini timbul dari pengertian *fitrah* dan takdir itu sendiri. *Fitrah* bermaksud kesediaan menerima kebenaran. Menurut pendapat ini, setiap anak yang lahir adalah bersedia menerima kebenaran dan sepatutnya sentiasa bersama kebenaran, taufik dan hidayah. Walaupun begitu si anak sudah tentu tidak akan dapat menerima kebenaran andainya dia telah ditakdirkan menjadi seorang yang sesat dan tidak menerima kebenaran. Inilah percanggahan yang dimaksudkan yang nampaknya tidak memberikan keadilan kepada manusia.

Bagi menghilangkan kekeliruan yang timbul akibat dua nas yang pada zahirnya bertentangan iaitu nas mengatakan bahawa semua takdir manusia telah ditetapkan oleh Allah SWT dan nas yang mengatakan bahawa setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan *fitrah*, hendaklah difahami dan diyakini bahawa Allah SWT mempunyai ilmu yang sempurna. Dengan kata lain, Allah SWT mengetahui segala perkara sama ada termasuk yang telah terjadi dan yang akan terjadi. Seterusnya berdasarkan ilmu tersebut takdir manusia ditetapkan. Dari aspek hamba pula, dia dicipta bebas dari segala iktikad batil. Jadi, seseorang hamba itu boleh menerima akidah yang benar.⁴³ Namun sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Qäsimi, selepas seseorang itu dilahirkan,

⁴² Za'ba, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, h. 71-79.

⁴³ Al-Ashqar, *al-Qaḍā' wa al-Qadar*, h. 68.

syaitan dan nafsu mereka sendiri telah mengubah *fitrah* asal yang sepatutnya memandu mereka ke arah kebenaran. Dengan kehendak sendiri pula mereka mengikut telunjuk syaitan dan kehendak nafsu tersebut lalu terubahlah fitrah asal dan mereka seterusnya menjadi sesat dan berada jauh dari kebenaran.⁴⁴ Dalam masa yang sama, Allah SWT telah mengetahui siapa yang mengikut *fitrah* kebenaran dan siapa pula yang mengikut ajakan syaitan dan nafsu lalu tersasar dari jalan kebenaran. Pengetahuan tersebut dicatat pada Lauh Mahfuz sebagai takdir. Justeru, tiada pertentangan antara dua fakta yang dinyatakan tadi. Sabda Rasulullah s.a.w. melalui hadis Qudsi:

إِنِّي خَلَقْتُ عِبَادِي حَنَفَاءَ كَلَّهُمْ وَإِنْ كُلَّ مَا أَخْلَقْتُ عِبَادِي فَهُوَ لَهُمْ
حَلَالٌ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ أَتَتْهُمْ فَاجْتَالَتْهُمْ عَنِ دِينِهِمْ وَحَرَمَتْ عَلَيْهِمْ
الَّذِي أَحْلَلْتُ لَهُمْ وَأَمْرَهُمْ أَنْ يَشْرُكُوا بِي مَا لَمْ أَنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا

“Sesungguhnya Aku telah menjadikan hamba-hamba-Ku kesemuanya dalam keadaan bersih (*ḥunāfi'*) dan sesungguhnya segala apa yang Aku berikan kepada mereka adalah halal bagi mereka. Dalam pada itu syaitan datang kepada mereka lalu menyelwengkan (menjauahkan) mereka daripada agama dan mengharamkan kepada mereka apa yang telah Aku halalkan dan menyuruh mereka mensyirikkan Aku tanpa kebenaran.”

Menurut hadis di atas, walaupun insan dilahirkan dalam keadaan *fitrah*, Allah SWT mengetahui siapa yang akan terpedaya dengan godaan syaitan dan siapa pula yang tidak termakan pujuk rayu syaitan.⁴⁵ Pengetahuan tersebut dicatatkan di Lauh Mahfuz.

⁴⁴ *Ibid.* Lihat juga Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1997), *Dalā'il al-Tawḥīd*, Nuskħah Munaqqahah Muṣāḥḥahah bi Ishrāf Maktab al-Buḥūth wa al-Dirāsāt fi Dār al-Fikr, Dār al-Fikr li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', h. 18. Lihat juga, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Shifā' al-'Ailī*, Tahqīq Muḥammad Badr al-Dīn, h. 297.

⁴⁵ Al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar*, h. 68.

i) Takdir Tidak Menolak Usaha dan Ikhtiar

Salah faham terhadap takdir boleh menjadikan seseorang tidak ingin berusaha. Baginya, sama ada berusaha atau tidak, ketetapan pasti akan berlaku. Ibn al-Jawzī menjelaskan bahawa pandangan ini amat berbahaya kerana ia bererti seseorang yang berkehilangan sedemikian telah mengkritik dan memprotes syariat yang diturunkan oleh Allah SWT. Ia juga bermaksud mempermainkan hukum yang terkandung dalam kitab dan menjadikan para rasul dan dakwah yang dibawa oleh mereka sebagai sia-sia.⁴⁶ Sudah tentu mereka yang berfahaman seperti ini tidak akan melakukan ibadat. Andainya disuruh mendirikan solat, mereka pasti akan berkata: "Apa perlunya solat? Kalau telah ditakdirkan saya memasuki syurga pasti saya akan memasukinya. Solat sedikit pun tidak akan dapat menolong sekiranya saya telah ditakdirkan memasuki neraka." Ibn Taymiyyah menyatakan andainya begitu hakikatnya maka semua orang boleh menggunakan hujah tersebut sebagai alasan dan protes untuk melaikkan diri daripada kewajipan. Kalau lah benar begitu, Firaun juga mempunyai hak untuk menyanggah ajakan Nabi Musa a.s. ketika dikatakan kepadanya:

"Adakah engkau suka hendak mensucikan dirimu (dari kekufur'an)? 'Dan mahukah, aku tunjuk kepada-mu jalan mengenal Tuhanmu, supaya engkau merasa takut (melanggar perintah-Nya)?'" Maksud ayat 18-19, *Sūrah al-Nāzi'āt*.⁴⁷

Rentetan dari itu, Allah SWT juga akan dipersoalkan mengenai pengutusan para rasul dan penurunan kitab-kitab. Sebenarnya alasan tersebut tidak berasas sama sekali dan tidak boleh diterima langsung kerana ia membawa kepada persamaan antara iman dan kufur, dosa dan pahala, syurga dan neraka dan persamaan antara seluruh agama atau kepercayaan yang dianuti oleh seluruh manusia.

⁴⁶ Abū al-Faraj Jamāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān Ibni al-Jawzī (1985), *Talbīs Iblīs*, Tahqīq al-Sayyid al-Jumailī, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 440. Lihat juga Mālimūd Shaltūt, *al-Islām 'Aqīdah wa Shari'ah*, h. 51.

⁴⁷ Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam' wa Tartīb 'Abd al-Rahmān bin Muhammād, Jilid 8, h. 108.

Apa yang jelas, Islam mengajar bahawa apa yang ditakdirkan itu berlaku melalui proses sebab dan akibat. Sebagai contoh, tabiat biji benih ialah tumbuh apabila bertemu dengan tanah lembap. Tanah lembap tadi kita katakan sebagai sebab dan tumbuh itu pula adalah akibatnya. Biji benih tadi, andainya ditanam pada tanah yang kering kontang atau diletakkan di atas batu yang licin, nescaya ia tidak akan tumbuh.⁴⁸ Peribahasa juga ada mengatakan bahawa yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang; kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya dan terdapat pantun yang berbunyi,

Berakit-rakit ke hulu,
berenang-renang ke tepian;
bersakit-sakit dahulu,
bersenang-senang kemudian.

Peribahasa dan pantun di atas selari dengan apa yang diajar oleh Islam iaitu menyuruh manusia supaya berusaha dan berikhtiar, bukan semata-mata menanti ketentuan yang mendarat. Ini adalah kerana takdir dan ikhtiar tidak boleh dipisahkan. Kedua-duanya ibarat satu bebanan yang diletakkan di atas belakang binatang tunggangan. Jika bebanan atau barang tersebut tidak diletakkan dengan seimbang, akan jatuhlah ia. Apabila ia jatuh akan sakitlah belakang binatang tersebut dan sukarlah untuk meneruskan perjalanan. Andainya wujud keseimbangan antara keduanya, selamatlah tunggangan, mudah pula perjalanan dan akan tercapai matlamat yang diinginkan. Terdapat satu perumpamaan menarik tentang takdir dan ikhtiar (tawakal); di sebuah kampung terdapat dua orang lelaki fakir. Salah seorang daripada mereka buta dan seorang lagi lumpuh. Mereka tidak mempunyai pembantu kecuali seorang lelaki

⁴⁸ Ishak Din dan Harun Din, *Permasalahan Akidah Tauhid Pegangan Setiap Muslim*, h. 147. Lihat juga, Mohammad Talib, *Pandangan Para Ahli Fikir Tentang Taqdir dan Ikhtiar*, h. 21. Lihat juga al-Ghazālī, Muhammad (1992), *Ta'ammulât fi al-Dîn wa al-Hayâh*, Cet. 2. Iskandariah: Dâr al-Dâ'wah, h. 35-36.

yang murah hati memberi makan dan minum kepada mereka setiap hari. Setelah berlalu beberapa ketika, lelaki tersebut meninggal dunia. Mereka tinggal berdua untuk beberapa hari tanpa makan dan minum. Setelah merasa amat lapar mereka berpakaat untuk keluar mencari alas perut. Si buta mendukung si lumpuh sementara si lumpuh menunjukkan jalan kepadanya. Keluarlah mereka berdua dan ramailah orang menghulurkan bantuan. Akhirnya terselamatlah mereka daripada mati kebuluran. Lihatlah betapa intimnya hubungan di antara takdir dan ikhtiar. Kedua-duanya saling bantu-membantu. Ikhtiar disebabkan oleh takdir dan takdir disebabkan oleh ikhtiar.⁴⁹

Justeru, apabila seseorang berasa dia telah ditakdirkan menjalani kehidupan yang susah, maka dia hendaklah mengubah haluannya dengan berusaha supaya kesempitan hidup tersebut berubah kepada kesenangan. Apatah lagi dia sendiri tidak mengetahui takdirnya yang tercatat di Lauh Mahfuz. Andainya dia tidak berusaha untuk mengubah nasib malangnya maka itulah takdir yang harus diterima olehnya. Sekiranya dia berusaha keras lalu berjaya menjadi seorang yang berharta maka itu juga adalah takdirnya yang telah ditetapkan.

j) Takdir Tidak Boleh Dijadikan Alasan Untuk Melakukan Maksiat

‘Alī al-Tanṭāwī menjelaskan bahawa takdir juga dijadikan alasan oleh sebahagian manusia bagi melepaskan diri dari kesalahan melakukan maksiat. Sebagai contoh, apabila ditanya kenapa mereka melakukan perbuatan zina, mereka menjawab kerana takdir menetapkan begitu. Mereka meletakkan kesalahan pada takdir Allah SWT, walhal al-Qur'an dan al-Hadis berulang-kali menyebut bahawa pahala dan dosa serta balasan baik dan buruk adalah berdasarkan amalan seseorang. Sebagai contoh, orang yang berzina tidak

⁴⁹ Sila lihat, Muḥammad bin Aḥmad Shihāb al-Dīn (t.t.), *al-Mustāraf fī Kull Fann Mustāraf*, Jilid 2, Beirut: Manshūrāt Dār Maktabah al-Ḥayāh, h. 339.

mengetahui apa yang tertulis di Lauh Mahfuz. Dia hanya mendakwa tanpa bukti dan berbohong bahawa dia ditakdirkan melakukan zina lalu dia berzina, kononnya untuk memenuhi tuntutan takdir. Sebenarnya dia berzina hanya kerana menurut hawa nafsu dan godaan syaitan,⁵⁰ walaupun dia sedar bahawa kalau dia ingin, perbuatan tersebut boleh dihindari olehnya.

Alasan seperti ini telah lama digunakan oleh kaum musyrikin sebagaimana dirakamkan perkataan mereka dalam al-Qur'an, *Sūrah al-An'ām*, 6: 148:

Maksudnya: Orang-orang musyrik akan mengatakan: "Kalau Allah SWT menghendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekuat-Nya (dengan sesuatu yang lain), dan tidak pula kami haramkan sesuatu apa pun."

Ayat seterusnya mematahkan hujah yang mereka kemukakan itu dengan firman Allah SWT, *Sūrah al-An'ām*, 6: 148:

Maksudnya: Katakanlah: "Adakah kamu mempunyai (sesuatu keterangan yang berdasarkan) ilmu supaya dapat kamu tunjukkan kepada kami? Tiadalah kamu menurut melainkan sangkaan semata-mata, dan kamu pula tidak lain hanyalah berdusta."

Al-Qur'an menempelak perbuatan mereka kerana sebenarnya mereka tidak mengetahui adakah mereka ditakdirkan melakukan perbuatan syirik atau tidak sehingga mereka boleh mendakwa seperti yang mereka dakwakan. Adakah mereka telah cuba untuk beriman tetapi tidak berjaya?⁵¹ 'Afīf 'Abd al-Fattāḥ Tabbārah menjelaskan, al-Qur'an menegaskan bahawa balasan buruk yang menimpa orang musyrikin itu adalah disebabkan oleh perbuatan jahat

⁵⁰ Al-Tanṭāwī, *Ta'rīf 'Ām bi Dīn al-Islām*, h. 159-160. Lihat juga al-Bājūrī, *Sharḥ Jawharah al-Ta'wīl*, Tansiq wa Takhrīj Muḥammad Adīb al-Kaylānī wa 'Abd al-Karīm Tattān, h. 238. Lihat juga Muhammed Ramzi Omar (1999). *Pembahagian Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Selangor: Pustaka Ilmi, h. 222.

⁵¹ Al-Tanṭāwī, *Ta'rīf 'Ām bi Dīn al-Islām* h. 161.

yang mereka lakukan. Jika perbuatan jahat itu hasil paksaan Allah SWT, nescaya mereka tidak akan dihukum.⁵²

‘Abd al-‘Azīz Muḥammad al-Salmān mengatakan alasan ini jugalah yang digunakan oleh seorang pencuri pada masa pemerintahan Saidina Umar al-Khaṭṭāb r.a. bagi mengelakkan hukuman dijatuhkan kepadanya. Malang baginya kerana Saidina Umar juga menjadikan takdir sebagai alasan untuk memotong tangannya.⁵³ Kalau lah orang yang memberikan alasan tersebut benar-benar jujur nescaya dia akan menerima takdir dengan reda dan senang hati serta tidak berusaha untuk mengubah keadaannya. Apa yang jelas, dia tidak reda apabila menghadapi takdir kesusahan sebaliknya dia berusaha gigih untuk mengelakkannya; sekiranya dia mengidap sesuatu penyakit dia pasti terus berusaha untuk berubat, apabila dilanda kesempitan hidup dan ketiadaan wang ringgit dia berusaha mengatasi masalah tersebut, apabila kehilangan orang yang disayangi dia pasti merasa sedih. Pendek kata, dia akan sentiasa berusaha untuk mendapatkan takdir yang baik dan mengelakkan dari takdir yang buruk. Jadi, kenapa dia begitu bersungguh-sungguh menjadikan takdir sebagai alasan untuk melakukan maksiat dan mengelakkan dari dihukum tetapi tidak bermujahadah sedaya upaya untuk meninggalkan kemungkaran? Perbuatan tersebut seolah-olah mempermain-kan balasan buruk yang dijanjikan kepada mereka yang melakukan maksiat.⁵⁴ Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m.1350M/751H) menegaskan bahawa mereka ini adalah makhluk yang paling keji kerana ketika melakukan ketaatan mereka bersandarkan pendapat *al-Qadariyyah* tetapi apabila melakukan maksiat

⁵² ‘Afīf ‘Abd al-Fattāḥ Ṭabbārah, *Nādi Ajaran Islam*, terj. Md Akhir Haji Yaacob, Jilid 1, Cet 2, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hal 208. Lihat juga al-Maydānī, *al-‘Aqīdah al-Islamiyyah wa Ususuhā*, h. 668. Lihat juga al-Tabarī, *Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān*, Taqdīm Khalīl al-Mis, Dābūt wa Tawthīq wa Tahkīr, Śidqī Jamīl al-‘Attār, h. 77-80.

⁵³ Al-Salmān, *al-Kawāshif al-Jaliyyah ‘an Ma’āni al-Wāsiṭiyyah*, h. 377. Lihat juga al-Shaykh Muḥammad Ṣalīḥ ‘Uthaymin (1993), *Fatāwā al-‘Aqīdah*, Cet. 2, Beirut: Dār al-Jayl, h. 544.

⁵⁴ Afīf ‘Abd al-Fattāḥ Ṭabbārah, *Nādi Ajaran Islam*, terj. Md Akhir Haji Yaacob, Jilid 1, h. 160.

mereka bersandar pula kepada pendapat *al-Jabariyyah*.⁵⁵ Bahkan mereka lahir musuh Allah SWT.⁵⁶ Mereka menjadi hamba kepada nafsu dan syaitan, walaupun mereka tahu dan dapat rasakan bahawa tiada sesiapa yang memaksa untuk melakukan sesuatu perbuatan sama ada buruk atau baik.

k) Takdir Tidak Bertentangan Dengan Konsep Doa

Adalah salah jika dikatakan bahawa doa tidak memberikan apa-apa kesan terhadap seseorang kerana semua yang berlaku dan yang akan berlaku ke atas dirinya telah ditakdirkan oleh Allah SWT. ‘Abd al-Karīm al-Khaṭīb menjelaskan bahawa qada’ ialah pelaksanaan kepada qadar yang telah termaktub. Qada’ boleh diibaratkan sebagai sebatang panah yang sedang meluncur menuju kepada sasarannya. Walau bagaimanapun dengan rahmat-Nya, Allah SWT telah menjadikan doa sebagai penolak atau penangkis qada’ tersebut.⁵⁷ Sabda Rasulullah s.a.w.:

وَلَا يَرُدُّ الْقَضَاءِ إِلَّا الدُّعَاءُ

Maksudnya: Tiada sesuatu boleh menolak qada’ kecuali doa.⁵⁸

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

وَالدُّعَاءُ يَنْفَعُ مَا نُزِّلَ وَمَا لَمْ يُنْزَلْ وَإِنَّ الْبَلَاءَ لَيُنْزَلُ فَيَتَلَاقَهُ

الدُّعَاءُ فَيُعَلِّجُهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

⁵⁵ Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ Fatāwā*, Jam‘ wa Tartīb ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, h. 107. Lihat juga, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Salikin*, Tahqīq Muḥammad al-Mu’tashim bi Allah, Jilid 1, h. 211.

⁵⁶ *Ibid.*, h. 201.

⁵⁷ Al-Khaṭīb, *al-Qadā’ wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn*, h. 256.

⁵⁸ Abū Abdillah Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥasan al-Turmidī, *Nawādir al-Uṣūl fi Aḥādīth al-Rasūl*, Tahqīq ‘Abd al-Rahmān ‘Umayrah, Beirut: Dār al-Jayl, Juzuk 3, h. 232. Lihat juga al-Mundhirī, Abū Muḥammad, ‘Abd al-‘Aẓīm bin ‘Abd al-Qawī (1417 H), *al-Targhib wa al-Tarhib*, Tahqīq Ibrāhīm Shams al-Dīn, Juzuk 2, Kitāb al-Dhikr wa al-Du‘ā’, hadis no: 2530, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 316.

Maksudnya: Dan doa boleh memberi manfaat terhadap apa yang telah turun dan yang belum lagi. Dan sesungguhnya bala turun sedangkan doa menghadapinya lalu kedua-duanya bergelut hingga halah hari kiamat.⁵⁹

Menurut al-Khaṭīb, berdasarkan hadis di atas, dapat difahami bahawa dalam hal di mana qada' sedang dalam perjalanan menuju kepada qadar untuk merealisasikannya dan ketika masih belum mengena sasaran, doa terlebih dahulu menghentikan perjalannya atau sekurang-kurangnya menghalang supaya ia mengena sasaran dengan perlahan dan lembut (*lutf*).

Doa mustajab memang berperanan untuk menolak takdir⁶⁰ kerana inilah fungsi atau tugas doa apabila ia berhadapan dengan qada'. Tetapi amat malang sekali kerana menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, masih ada yang berpendapat bahawa doa tidak akan berfungsi apabila berhadapan dengan takdir Ilahi. Menurut mereka, berdoa adalah perbuatan sia-sia. Berdoa atau tidak, yang ditakdirkan pasti berlaku. Orang yang berpendapat seperti ini elok disarankan agar mereka tidak makan ketika lapar kerana mereka pasti kenyang andainya telah ditakdirkan begitu. Mereka yang inginkan anak pula patut dinasihatkan agar bersabar kerana andainya telah ditakdirkan mendapat anak dia pasti akan mendapatnya; sama ada melalui persetubuhan atau tidak. Mereka yang berpendapat seperti ini, apabila disarankan berbuat begitu pasti mereka akan marah dan membantah saranan tersebut dengan keras. Andainya begitu respons mereka, jelaslah bahawa alasan yang mereka kemukakan mereka sendiri tidak boleh diterima. Manusia yang berakal sewajarnya pandai berusaha untuk hidup, sedangkan haiwan yang tidak dikurniakan akal boleh

⁵⁹ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak 'alā al-Saḥīḥayn*, Tahqīq Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Atā, Juzuk 1, Kitāb al-Du'a' wa al-Tasbīh wa al-Tahlīl wa al-Dhikr, hadis no: 1813, h. 669.

⁶⁰ Ishak Din dan Harun Din, *Permasalahan Akidah Tauhid Pegangan Setiap Muslim*, h. 150.

melakukannya.⁶¹ Sebenarnya doa juga adalah wasilah bagi mendapatkan kebaikan dan menghindari keburukan.⁶² Doa bukan semata-mata ibadat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Kedudukan doa yang berperanan sebagai penolak takdir samalah dengan peranan air yang menyebabkan tumbuhnya tanaman atau membasahkan sesuatu dan api yang membakar. Ini kerana Allah SWT telah menjadikan doa sebagai syarat untuk dikabulkan sesuatu permintaan. Ini jelas sebagaimana firman-Nya, *Sūrah Ghāfir*, 40: 60:

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu telah berfirman,
‘Pintalah (berdoalah) kepada-Ku nescaya aku akan
memperkenankannya.’”

Ayat di atas menegaskan bahawa setiap doa akan diperkenankan.⁶³ Doa merupakan sebab ‘ādī⁶⁴ yang membawa kepada kesan apabila tiada *mawāni'*.⁶⁵

I) Reda Dengan Takdir Tidak Bererti Reda Dengan Maksiat

Setiap Muslim wajib reda dengan qada' Allah SWT sebagai bukti pengabdian penuh hamba kepada-Nya dan pengiktirafan terhadap *rubūbiyyah*-Nya.⁶⁶ Walau bagaimana pun

⁶¹ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1990), *al-Dā' wa al-Ḍāwā'*, Taḥqīq 'Abd al-Ghaffār Sulaymān, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣrī, h. 26. Lihat contoh-contoh lain dalam Lutpi Ibrahim (1981), *Masaalah Qada' dan Qadar Di Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 33-34.

⁶² Muḥammad al-Sayyid al-Jalayand (t.t.), *Mushkilah al-Khayr wa al-Sharr fī Fikr al-Islāmī Usūluhā Taṭbiqātuhā*, Juzuk 1, Maṭba'ah al-Taqaddum, h. 170. Lihat juga Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam' wa Tartib 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad, Jilid 8, h. 69-70.

⁶³ Al-Jalayand, *Mushkilah al-Khayr wa al-Sharr fī Fikr al-Islāmī Usūluhā Taṭbiqātuhā*, Juzuk 1, h. 170.

⁶⁴ Sebab 'ādī adalah sebab biasa.

⁶⁵ *Mawāni'* adalah penghalang. Sebagai contoh, satu biji benih (sebab) akan tumbuh (akibat) apabila ditanam dalam tanah yang sesuai dan tiada penghalang (*mawāni'*) untuk ia tumbuh seperti tanah yang kering kontang dan tidak subur. Sanusi Daeng Mareok, *Mushkilah al-Qadā' wa al-Qadar*, h. 203.

⁶⁶ 'Uthaymin, *Fatāwā al-'Aqīdah*, h. 540-541. Lihat juga, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikin*, Taḥqīq Muhammad al-Mu'tashim bi Allah, Jilid 1, h. 268.

kewajipan reda dengan qada' Allah SWT bukanlah bererti reda terhadap perlakuan dosa dan pahala atau iman dan kufur tanpa dibezakan antara keduanya. Apa yang jelas, membenci perbuatan dosa, kejahatan dan kekufuran yang dilakukan oleh manusia tidak bererti membenci qada' Allah SWT.⁶⁷ Ini kerana reda kepada qada' tidak sama dengan reda kepada *al-maqdī*, sebagaimana dijelaskan oleh *al-Manāwi*.⁶⁸ Kita wajib reda dengan segala ketentuan Allah SWT kerana qada' adalah sifat yang berhubung terus dengan zat Allah SWT. *Al-maqdī* pula adalah perbuatan yang dilakukan dan dinisbahkan kepada hamba.⁶⁹ Jadi, setiap Muslim wajib reda dengan qada' Allah SWT manakala hukum reda dengan *al-maqdī* pula terbahagi kepada tiga bahagian:

- (i) *al-Maqdī* yang wajib diredayai
- (ii) *al-Maqdī* yang haram diredayai
- (iii) *al-Maqdī* yang *mustahabb* (sunat) diredayai.⁷⁰

Sebagai contoh, perlakuan maksiat oleh seseorang adalah termasuk dalam kategori *al-maqdī* yang haram diredayai walaupun ia telah tersurat dalam qada' Allah SWT. Perlakuan maksiat tersebut, jika dilihat dari sudut qada', maka wajiblah diredayai kerana segala qada' Allah SWT mengandungi kebaikan, keadilan, hikmat dan kemaslahatan walau pun hakikat tersebut tidak dapat dijangkau oleh pemikiran hamba. Dari sudut *al-maqdī* pula, perbuatan maksiat yang dilakukan adalah haram diredayai bahkan wajib dicegah dan dibanteras.⁷¹ Contoh lain sebagaimana diterangkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah ialah kes pembunuhan. Oleh kerana kematian mangsa pembunuhan adalah takdir azali yang

⁶⁷ Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā, Jam' wa Tartīb 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad*, Jilid 8, h. 190. Lihat juga, 'Uthaymin, al-Shaykh Muḥammad Salīh, *Fatāwā al-'Aqīdah*, h. 540. Lihat juga, al-Zubaydī, *Iḥāf al-Sādah al-Muttaqin bi Sharḥ Ihya' 'Ulūm al-Dīn*, Jilid 12, h. 550.

⁶⁸ Al-Manāwi, *Fayd al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi'* al-Saghīr, Jilid 2, h. 224.

⁶⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Salikin*, Taḥqīq Muḥammad al-Mu'tashim bi Allah, Jilid 1, h. 269. Lihat juga 'Uthaymin, *Fatāwā al-'Aqīdah*, h. 540-541.

⁷⁰ *Ibid.*, h. 541.

⁷¹ *Ibid.* Lihat juga Sanusi Daeng Marcok, *Mushkilah al-Qaḍā' wa al-Qadar*, h. 200.

ditetapkan sebagai ajal, ia mesti direndai. Manakala pembunuhan yang melakukan jenayah tersebut dengan usaha dan pilihannya maka perbuatannya itu haram direstui bahkan mesti dikejari.⁷²

Kategori ketiga pula adalah *al-Maqdī* yang *mustahabb*⁷³ direndai tetapi wajib bersabar⁷⁴ apabila menghadapinya. Ia adalah musibah yang menimpa hamba seperti kemiskinan, kesakitan dan cemuh yang diterima⁷⁵ yang mana ia tidak berkait dengan perkara dosa.⁷⁶ Ini kerana sesuatu maksiat atau dosa itu haram direndai.

m) Tuntutan ‘Ubudiyyah Terhadap Persoalan Takdir

Walaupun keraguan mengenai qada' dan qadar boleh dihilangkan melalui perbincangan ilmiah, namun jiwa seseorang masih terasa kekosongan; tidak berasa tenang dan tenteram dengan jawapan tuntas bagi segala persoalan yang terhasil melalui perbincangan tersebut. Jiwa masih akan meronta-ronta dan meminta pengisian dan penawar yang lebih daripada itu. Pengisian dan penawar itu pula hanya boleh didapati apabila hakikat ‘ubūdiyyah benar-benar dihayati. Walaupun begitu, ini tidaklah bermakna bahawa kajian ilmiah dan kaedahnya tidak lagi berguna dalam situasi sebegini. Apa yang dimaksudkan ialah kepuasan jiwa yang

⁷² Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikin*, Taḥqīq Muhammad al-Mu'tashim bi Allah, Jilid 1, h. 269.

⁷³ Ada pendapat yang mengatakan wajib reda tetapi pendapat yang paling sahih ialah *mustahabb*. Sila lihat Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam' wa Tartīb 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, h. 191. Walau bagaimanapun martabat reda jauh lebih tinggi daripada sabar. Lihat, Ibn Rajab al-Hanbali, Abū al-Faraj 'Abd al-Rahmān bin Ahmad (1408H), *Jāmi' al-'Uluūm wa al-Hikam*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 194.

⁷⁴ Terdapat perbezaan di antara reda dan sabar. Bagi seorang yang reda, sama ada bencana menimpanya atau tidak adalah sama sahaja, tidak menggugat kedudukannya. Orang yang sabar pula tidak reda (tidak merasa senang) dengan bencana yang menimpa tetapi dia tidak melakukan tindakan yang menyalahi syarak atau menyalahi tuntutan sifat sabar itu sendiri. Sila lihat 'Uthaymin, *Fatāwā al-'Aqīdah*, h. 541.

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam' wa Tartīb 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, h. 191.

didapati melalui kajian ilmiah masih belum mencukupi dan tidak dapat memberi penawar mujarab kepada jiwa yang berada dalam keresahan. Jiwa hanya benar-benar akan tenang apabila seseorang Muslim itu mengetahui hakikat dan tuntutan ‘ubūdiyyah terhadap Allah SWT; Pencipta dan Pemilik segala mahluk. Apabila pengertian dan hakikat hamba abdi seseorang terhadap Allah SWT telah meresap dan bertunjang di dalam jiwa, sudah tentu dia akan reda senang hati terhadap segala ketentuan Allah SWT. Justeru, andainya ditakdirkan segolongan manusia diseksa di dalam neraka, manakala segolongan lain mendapat nikmat syurga, siapakah yang layak mempertikaikan ketetapan tersebut? Tidakkah Allah SWT berhak melakukan apa sahaja terhadap mahluk-Nya? Sekiranya logik akal menerima hakikat ini nescaya sifat pengabdian tersebut mampu menjadikannya patuh dan menyerah kepada ketetapan Allah SWT. Inilah pelarai segala kekusutan yang menghantui jiwa. Tiada tempat untuk melarikan diri atau berlindung kecuali kepada-Nya.⁷⁷

Apa yang dikemukakan oleh al-Büṭī di atas dapat diserasikan dengan pandangan Ibn Qayyim ketika beliau menerangkan konsep tawakal dan Ibrāhīm Taymiyyah ketika beliau memperkatakan tentang *asbāb*. Ibn Qayyim mengatakan bahawa hakikat tawakal akan terserlah apabila wujud perkara berikut: apabila seseorang mengenal Allah SWT dan sifat-sifat-Nya melalui kudrat, *kifāyah* dan *qayyūmiyyah*-Nya. Setiap maujudat dalam pengetahuan-Nya dan ia wujud melalui *mashī'ah* dan kudrat-Nya. Inilah tangga pertama tawakal. Di samping itu dia mestilah akur kepada peraturan ‘sebab dan akibat’. Seterusnya dia hendaklah mempunyai kemantapan hati. Dengan kata lain, hatinya menolak segala *asbāb* walaupun anggotanya bergantung kepada *asbāb* tersebut. Hatinya mestilah berasa tenang dalam pergantungan kepada Allah SWT, tidak kepada *asbāb*. Keadaannya dengan Allah SWT seperti budak kecil yang bergantung penuh kepada ibunya ketika menyusu. Dia juga hendaklah berprasangka baik terhadap Allah SWT. Dia mesti menyerahkan hatinya kepada Allah SWT tanpa sebarang bang-

⁷⁷ Al-Büṭī, *Hurriyyah al-Insān fi Zill 'Ubūdiyyatih li Allāh*, h. 53-54.

kangan. Keadaannya di sisi Allah SWT seperti sekujur mayat berada di sisi orang yang memandikannya. Segala urusan diserahkan kepada Allah SWT tetapi bukanlah urusan yang berkaitan dengan *taklif*. Akhirnya hendaklah ada *tawfiq* iaitu menyerahkan segala urusan kepada Allah SWT dengan reda, bukan terpaksa. Dia seperti seorang anak yang lemah menyerahkan segala urusan mengenainya kepada si ayah yang pandai mengurus dan tahu apa yang terbaik untuknya.⁷⁸ Konsep tawakal ini amat berkait rapat dengan konsep takdir. Pendirian muslim ketika bertawakal kepada Allah SWT adalah sama dengan pendiriannya ketika berhadapan dengan takdir Allah SWT.

Maksud kenyataan Ibn Qayyim ini telah ditegaskan oleh Ibn Taymiyyah dalam *Majmū'* dengan katanya yang ber-maksud:

...bergantung kepada asbab adalah syirik pada tauhid. Menghapuskan fungsi asbab bererti menghapuskan peranan akal. Tidak menggunakan asbab yang diperintah bererti mencela syarak. Justeru, hamba hendaklah bergantung kepada Allah SWT, tidak kepada asbab...

Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa pergantungan kepada Allah SWT adalah cantuman daripada makna tauhid, akal dan syarak. Baginya, maksud tidak bergantung kepada *asbab* ialah tidak meletakkan keyakinan terhadapnya, tidak mengharapkannya dan tidak takut kepadanya. Ini adalah kerana sesuatu sebab itu tidak berdiri sendiri kerana ia terikat dengan *asbab* lain. Ia juga boleh terhalang apabila wujud halangan-halangan tertentu. Pendek kata, semua sebab tidak memberi kesan kecuali dengan kehendak Allah SWT. Apa yang dikehendaki oleh-Nya pasti berlaku dan apa yang tidak dikehendaki oleh-Nya sudah tentu tidak akan berlaku.⁷⁹

⁷⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Salikin*, Taḥqīq Muḥammad al-Mu'tashim bi Allah, Jilid 2, h. 118-122.

⁷⁹ Ibn Taymiyyah, *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyah*, Muḥammad Rashād Salīm (Dr), Jilid 5, h. 366-367.

Keterangan di atas jelas berkait rapat dengan pendapat al-Būṭī. Namun al-Būṭī menegaskan lagi bahawa ilmu tidak boleh sekali-kali ditinggalkan bagi tujuan mengenali Allah SWT dan melaksanakan titah perintah-Nya.⁸⁰ Manusia dilarang memperkatakan sesuatu tanpa ilmu sebagaimana maksud firman-Nya dalam *Sūrah al-Isrā'*, 17: 36:

“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”⁸¹

Kesimpulan

Terdapat banyak persoalan dan permasalahan sekitar Qada' dan Qadar termasuk yang telah dibincangkan dalam artikel ini. Sebilangan besar masyarakat Islam yang dahagakan ilmu dan penawar dalam mengharungi kehidupan dunia ini mungkin pernah diselubungi oleh permasalahan sebegitu. Mereka mungkin telah dapat memahaminya dengan baik setelah merujuk kepada mereka yang berautoriti dalam bidang tersebut. Sebaliknya, bagi sesetengah golongan lain pula, ada yang mengisyiharkan perang terhadap takdir disebabkan ilmu yang dangkal. Mereka menyalahkan takdir di atas segala perkara buruk yang menimpa mereka. Takdir juga dijadikan alasan untuk berbuat dosa maksiat sedangkan mereka menyedari dan dapat merasakan bahawa mereka diberikan kemampuan untuk melakukan sesuatu perbuatan sama ada baik atau buruk. Sebenarnya huraiyan yang jelas dari al-Qur'an, al-Hadith dan ulama muktabar seperti yang cuba dibincangkan dalam artikel ini, berserta sikap berfikir yang terbuka, hati yang ikhlas untuk menerima hakikat kebenaran dan bebas dari agenda nafsu yang jahat adalah faktor utama yang dapat membimbing seseorang itu keluar dari permasalahan takdir.

⁸⁰ Al-Būṭī, *Hurrīyyah al-Insān fi Zill 'Ulūbijyatih li Allāh*, h. 54.

⁸¹ Sila lihat tafsirannya dalam al-Qurtubī, *al-Jāmi li Aḥkām al-Qur'ān*, Tahqīq al-Bardūnī, Jilid 10.